

# Empat fasilitator UMS dijemput ke SAN Pekan Bongawan

UB 3.10.2019 15

## KOTA KINABALU:

Seramai empat fasilitator daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS) dijemput untuk memberi motivasi dalam sebuah program Kem Motivasi Sijil Rendah Agama (SRU) 2019 di Sekolah Agama Negeri (SAN) Pekan Bongawan.

Program ini diadakan selama tiga hari dua malam bermula 27 hingga 29 September lalu dan disertai oleh 25 calon SRU daripada sekolah berkenaan.

Program ini bertujuan meningkatkan lagi keyakinan dan persediaan mereka sebelum menghadapi peperiksaan SRU pada 7 Oktober.

Program ini merupakan program yang berkesin-ambungan dilaksanakan



**FASILITATOR:** Empat fasilitator UMS bersama Pegawai Psikologi UMS.

pada setiap tahun dan tahun ini merupakan siri yang ketujuh.

Penyelia Pendidikan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

(JHEAINS) Bahagian Pantai Barat Selatan, Ustaz Hj Ag Isa bin Hj Ag Nodin merasmikan majlis penangguhan Program Motivasi SRU dan berharap agar

sekolah akan mengekalkan peratusan lulus 100 peratus bagi tahun 2019 ini.

Antara pengisian yang dilaksanakan sepanjang program ini ialah Ice Breaking, latihan dalam kumpulan (LDK), malam burung hantu, malam penghayatan, beberapa slot iaitu motivasi, tip persediaan sebelum menghadapi peperiksaan dan hala tuju selepas SRU.

Program ini juga turut menyediakan sesi ceramah khas yang disampaikan oleh Ustaz Malai Ali Malai Ahmad selepas ucapan perasmian penangguhan program.

Program ini sesuai dilaksanakan oleh setiap sekolah bagi memberi motivasi kepada pelajar sebelum menduduki peperiksaan.



**JAKMAS:** Sesi Bergambar JAKMAS Kolej Kediaman UMS Bagi Sesi 2019-2020 Bersama-Sama Dengan Tetamu Jemputan.